

Penderaan wanita

Lelaki pencetus keganasan?

u.m 4/12/00

Oleh HAFIDAH IBRAHIM
Gambar NAZERI ABU BAKAR

BIARPUN banyak berita mengenai keganasan wanita terpampang di dada akhbar dan pendera dihadapkan di muka pengadilan, masalah ini tidak habis.

Wanita didera oleh suami, diperkosa dan diganggu oleh majikan secara seksual masih terus berlaku.

Fenomena yang membimbangkan ini menyebabkan masyarakat mempersoalkan tentang peranan lelaki sebagai pelindung kepada wanita atau pencetus keganasan.

Lebih memilukan golongan ini mendakwa mereka sering dipukul dan ditendang terajang oleh lelaki yang bergelar suami hanya kerana berselisih faham tentang perkara yang kecil.

Lebih kesal lagi apabila ramai wanita yang menjadi mangsa keganasan lebih suka meniadakan diri daripada tampil membuat aduan kepada pihak berkuasa kerana bimbang diugut dan dcederakan sekiranya rahsia mereka terbongkar.

Ini menyebabkan majikan atau suami menjadi lebih melampau dan menunjukkan kuasa sesuka hatinya kepada wanita atau isterinya kerana masih terus merahsiakan perbuatan tersebut daripada pengetahuan umum.

Hakikatnya keganasan bukan jalan menyelesaikan konflik terutamanya untuk menangan emosi dan tekanan kerja seharian yang mana akhirnya wanita yang menjadi mangsa tempat melepaskan marah.

Sehubungan itu mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Mengenai Keganasan Terhadap Wanita yang diadakan pada kali pertama ini mencapai kata sepakat bahawa kesedaran masyarakat terhadap keganasan terhadap wanita perlu dipertingkatkan untuk mengatasi gejala yang kian membimbangkan.

Di mesyuarat yang dihadiri oleh wakil-wakil badan kerajaan seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Penerangan Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa) manakala badan bukan kerajaan



IVY JOSIAH

vertising turut membincangkan bagaimana mengenal pasti masalah keganasan terhadap wanita seperti gangguan seksual, keganasan rumah tangga, rogol dan pembunuhan serta cara-cara membasmi keganasan tersebut.

Justeru untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap gejala ini, pihak tersebut mencadangkan agar satu hari khas diadakan khusus menyedarkan masyarakat tentang keganasan wanita.

Mereka juga sebulat suara bersetuju mengadakan sambutan secara besar-besaran *Berkata Tidak Kepada Keganasan* bermula dari peringkat kebangsaan yang diwakili oleh pemimpin kerajaan hingga ke peringkat negeri dan daerah.

Dalam perbincangan selama sejam setengah yang dipengerusikan oleh wakil WAO, **Ivy Josiah** mendapati pengemblemangan tenaga kerja hingga ke akar umbi dijangka akan mengukuhkan satu rangkaian yang kuat untuk menghalang kekejaman kaum lelaki terhadap wanita yang dianggap mudah diperlekehkan.

Usaha yang julung-julung kali diadakan



IVY Josiah sedang berbincang dengan wakil-wakil dari badan kerajaan dan bukan kerajaan di mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Mengenai Keganasan Terhadap Wanita baru-baru ini.

Leo Burnett, agensi pengiklanan yang terkenal turut menawarkan diri untuk menghasilkan papan-papan iklan yang besar mengenai penderaan wanita yang pastinya meninggalkan kesan di hati masyarakat.

Begitu juga dengan kesemua siaran televisyen seperti TV1, TV3 dan ntv7 juga menyatakan hasratnya menyiarkan iklan yang berkonsepkan penderaan terhadap wanita sama ada di dalam rumah atau di luar rumah seperti di pejabat.

Selain itu, kempen-kempen akan diadakan setiap bulan untuk menyedarkan masyarakat tentang gejala ini.

"Kami merancang untuk membuka kaunter pengaduan di sekitar kompleks membeli-belah bagi memudahkan orang ramai tidak kira sama ada jiran tetangga ataupun saudara-mara membuat aduan sekiranya menyedari sesuatu yang mencurigakan berlaku di dalam rumah tangga mangsa," katanya lagi.

Keprihatinan dan perasaan tanggungjawab oleh masyarakat sekeliling dalam membanteras permasalahan ini akan menyum-

Penerangan, **Shaharuddin Abu Sohoh** berkata, pihaknya bercadang menyediakan slot-slot khusus untuk drama penderaan ataupun dokumentari penderaan daripada para penerbit drama atau agensi iklan yang berhasrat menerbitkan drama sedemikian.

Selain tanggungjawab sosial yang dilaksanakan oleh pihaknya, beliau berharap dapat bekerjasama dengan pihak Hawa mengedarkan risalah mengenai keganasan wanita hingga di peringkat daerah.

"Pihak Kementerian mempunyai wakil-wakil daerah yang dapat mengedarkan risalah tersebut kepada ketua kampung dan kemudiannya disampaikan kepada anak-anak buahnya," tambahnya lagi.

Manakala wakil Awam, **Ruziana Udin** berharap pihak-pihak yang terbabit mengendalikan kes keganasan wanita lebih menjurus kepada kepekaan gender supaya wanita yang menjadi mangsa penderaan mendapat pengadilan sepenuhnya.

Kesimpulannya, mesyuarat yang pertama kali diadakan itu menepati hasrat dalam usaha melindungi wanita yang sentia-

pakat bahawa kesedaran masyarakat terhadap keganasan terhadap wanita perlu dipertingkatkan untuk mengatasi gejala yang kian membimbangkan.

Di mesyuarat yang dihadiri oleh wakil-wakil badan kerajaan seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Penerangan Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa) manakala badan bukan kerajaan seperti Persatuan Pergerakan Wanita (Awam), Organisasi Bantuan Wanita (WAO), stesen televisyen seperti TV3 dan agensi pengiklanan iaitu Leo Burnett Ad-

Dalam perbincangan selama sejam setengah yang dipengerusikan oleh wakil WAO, **Ivy Josiah** mendapati penggemblengan tenaga kerja hingga ke akar umbi dijangka akan mengukuhkan satu rangkaian yang kuat untuk menghalang kekejaman kaum lelaki terhadap wanita yang dianggap mudah diperlekehkan.

Usaha yang julung-julung kali diadakan ini akan diperkuatkan lagi dengan sokongan pihak media dan agensi pengiklanan yang menyatakan kesediaan untuk membantu jawatankuasa ini.

beli-belah bagi memudahkan orang ramai tidak kira sama ada jiran tetangga ataupun saudara-mara membuat aduan sekiranya menyedari sesuatu yang mencurigakan berlaku di dalam rumah tangga mangsa," katanya lagi.

Keprihatinan dan perasaan tanggungjawab oleh masyarakat sekeliling dalam membanteras permasalahan ini akan menyumbang kepada pembentukan keluarga yang harmoni dan sekali gus menghindarkan wanita sebagai mangsa keganasan.

Sementara itu, wakil dari Kementerian

Manakala wakil Awam, **Ruziana Udin** berharap pihak-pihak yang terbabit mengendalikan kes keganasan wanita lebih menjurus kepada kepekaan gender supaya wanita yang menjadi mangsa penderaan mendapat pengadilannya sepenuhnya.

Kesimpulannya, mesyuarat yang pertama kali diadakan itu menepati hasrat dalam usaha melindungi wanita yang sentiasa dihantui keganasan di mana-mana apabila tindakan yang akan dijalankan mendapat sokongan penuh daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta.